

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TAN SRI DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL
TOYAD ABDULLAH (MUKAH)
TARIKH : 26 OKTOBER 2017 (KHAMIS)
NO. SOALAN : 22

SOALAN

YB. TAN SRI DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL TOYAD ABDULLAH (MUKAH) minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah proaktif Kementerian untuk mengantarabangsakan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) bagi meraih manfaat melalui e-dagang daripada perjanjian perdagangan bebas dalam rangkaian nilai serantau dan global.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Malaysia terlibat secara aktif dalam perbincangan dan rundingan antarabangsa berkaitan pembangunan dan peraturan eDagang sama ada di peringkat pelbagaihala, dua hala dan serantau seperti di Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), ASEAN, Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) dan rundingan-rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA).

Penglibatan Malaysia ini adalah selaras dengan agenda Kerajaan untuk memudahcara transaksi eDagang rentas sempadan serta membuka peluang kepada pihak industri khususnya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) tempatan untuk menembusi pasaran eksport melalui aktiviti eDagang.

Tuan Yang Di Pertua,

Perbincangan mengenai eDagang di peringkat antarabangsa kini lebih menjurus kepada aspek perluasan tahap aplikasi eDagang global, mewujudkan elemen kesalingpercayaan dalam persekitaran eDagang dan meningkatkan kerjasama dalam aspek pembangunan eDagang

Di bawah Pelan Pembangunan Komuniti Ekonomi ASEAN 2025 (*AEC Blueprint*), negara anggota ASEAN termasuk Malaysia sedang menyediakan draf Perjanjian eDagang ASEAN yang dijangka akan dimuktamadkan pada tahun 2018. Perjanjian ini bertujuan memudahcara transaksi eDagang rentas sempadan di kalangan negara anggota ASEAN. Selain itu, negara anggota ASEAN pada tahun ini telah pun merangka dan melaksanakan Program Kerja mengenai eDagang (*ASEAN Work Programme on eCommerce*) yang meliputi kerjasama dalam pelbagai bidang termasuk kemudahan infrastruktur telekomunikasi, pendidikan, sistem pembayaran, kepenggunaan dan logistik.

Manakala di peringkat pelbagaihala, negara anggota WTO masih di peringkat perbincangan ke arah menentukan halatuju komprehensif eDagang.

Kerjasama dalam konteks eDagang juga telah mula diperkenalkan dalam rundingan-rundingan FTA Malaysia. Setakat ini, beberapa perjanjian FTA yang telah ditandatangani dan dilaksanakan turut merangkumi Bab eDagang seperti yang telah dimeterai di bawah FTA dua hala di antara Malaysia dan Australia (MAFTA) dan FTA di antara ASEAN dengan Australia dan New Zealand (AANZFTA). FTA Kerjasama Komprehensif Ekonomi Serantau (RCEP) yang kini masih dalam peringkat rundingan juga meliputi agenda eDagang

Tuan Yang Di Pertua,

Di bawah Pelan Hala Tuju Strategik eDagang Kebangsaan, MITI dengan kerjasama Kementerian dan agensi berkaitan seperti Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan SME Corp. Malaysia telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti bagi meningkatkan penyertaan PKS tempatan dalam aktiviti eDagang rentas sempadan. Penekanan diberi kepada usaha meningkatkan kapasiti PKS dalam menembusi pasaran eksport global melalui eDagang dan peningkatan keberkesanan aspek latihan dan pembangunan kepakaran dalam bidang eDagang di kalangan PKS.

Di antara pendekatan yang sedang dilaksanakan termasuk:

- (i) pelaksanaan platform 'Go eCommerce' yang menyediakan lebih 70 modul latihan dan bimbingan secara dalam talian kepada PKS yang

43

berdaftar untuk mengaplikasi eDagang dan seterusnya menembusi pasaran eksport;

- (ii) di bawah Projek Perintis Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ) yang akan dilancarkan pada 3 November 2017 kelak, sekurang-kurangnya 1,500 PKS tempatan yang berpotensi telahpun dikenalpasti untuk dibantu menembusi pasaran eksport global melalui platform Alibaba;
- (iii) menjalin usahasama dengan platform eDagang antarabangsa seperti Alibaba, Amazon, eBay dan Google bertujuan mempromosi produk PKS ke pasaran antarabangsa; dan
- (iv) melaksanakan inisiatif berkaitan fasilitasi perdagangan bertujuan menangani masalah berkaitan peraturan, proses dan halangan dalam menjalankan transaksi perniagaan secara dalam talian serta penambahbaikan ke atas sistem pelepasan Kastam dan kargo.